# Cipta sendiri penggera keselamatan di rumah

HARI Raya semakin menjelang. Tentunya ramai yang sudah bersiap sedia untuk pulang ke kampung halaman. Pastinya anda memikirkan cara terbaik bagi memastikan rumah kediaman anda ditinggalkan dalam keadaan selamat.

Di sini disertakan rekaan sistem penggera keselamatan yang direka khas bagi mereka yang akan meninggalkan kediaman semasa musim perayaan kali ini.

Sistem ini membantu memberi amaran awal sekiranya berlaku kejadian pecah rumah dan pencerobohan. Untuk membina sistem penggera keselamatan ini, kita memerlukan alatan seperti berikut:

Berdasarkan gambar rajah, wayar yang digunakan adalah kecil dan bersaiz antara satu dan dua milimeter (mm) sahaja yang boleh didapati di kedai elektrik.

Wayar yang digunakan perlu disambung ke bekalan bateri 12 volt sebelum di sambung ke hon kereta.

Bagi memastikan bateri tidak lemah sepanjang pemasangan sistem ini, dan semasa meninggalkan rumah, jangan lupa sedia pengecas bateri yang boleh didapati di kedai elektrik dengan harga anggaran RM45.

Sebarang permasalahan dan pertanyaan boleh emelkan terus kepada *mail.zulidesign.com.my* Selamat mencuba.




**Alatan yang diperlukan**

- Hon kereta
- Bateri kereta (terpakai)
- Tin susu
- Paku langsir
- Tali
- Paku kecil
- wayar



**Langkah I :** Buat lubang di bahagian atas dan bawah tin susu

**Langkah II:** Masukkan tali ke dalam lubang sehingga menembusi tin kemudian ikat bersama wayar

**Langkah III:** Pasangkan paku kecil pada bingkai pintu

**Langkah IV:** Pakukan tali pada bucu pintu sebelah atas

**Langkah V :** Masukkan tali pada lubang langsir (1) yang dipasang pada bingkai pintu sebelah atas

**Langkah VI :** Pada bahagian paku langsir (2) sambungkan dengan wayar yang dihubungkan kepada bateri

**Langkah VII :** Sambungkan wayar yang dihubungkan daripada bahagian tin kepada hon kereta.

● Untuk minggu hadapan, jangan ketinggalan kita akan mencipta pencuci sinki bertekanan tinggi